

KGRUUM berwajah baru

Rumah kelab dirasmikan Timbalan Perdana Menteri di Sintok baru-baru ini



>>Oleh Kamarulzaman Pidi
akmar@metro.com.my

SESUAI dengan pemilihan sebagai Pusat Kecemerlangan Golf Kementerian Pengajian Tinggi, Kelab Golf dan Rekreasi Universiti Utara Malaysia (KGRUUM), kini berwajah baru.

Rumah kelab baru bagi menggantikan rumah kelab asal yang dibina pada 1994, mempunyai kemudahan yang lebih lengkap termasuk bilik VIP, pejabat, bilik mesyuarat, bilik persalinan, kaunter pendaftaran dan kafeteria serta kedai menjual peralatan golf. Setiausaha KGRUUM, Ali Badron Mokhtar, berkata rumah kelab baru diharap mampu menarik bukan saja pemain golf, malah tetamu dan pelajar sama ada dari



ADA GAYA...Muhyiddin melakukan tee-off ketika merasmikan rumah kelab baru KGRUUM.

UUM sendiri mahy pun dari luar untuk mengadakan program dan aktiviti di samping bernais golf.

"Di samping itu, KGRUUM juga sedang rancang menyapkan penambahan sembilan lubang lagi bagi menjadikan kelab ini mempunyai lapangan 18 lubang yang bakal menjadikannya antara padang golf terkemuka bukan saja di Malaysia, malah di peringkat

antarabangsa," katanya.

Rumah kelab baru dan Pusat Kecemerlangan Golf Kementerian Pengajian Tinggi itu, dirasmikan secara serentak oleh Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, di Sintok, baru-baru ini.

Hadir sama Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khalid Nordin dan Naib Canselor UUM, Prof Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak,

Ali Badron berkata, pelbagai program dan aktiviti sedang dan akan diador bagi menarik lebih ramai peminat dalam sukan itu.

"Ini bagi mencapai hasrat yang direncanakan oleh Naib Canselor UUM, Prof Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak yang juga Presiden kelab ini, yang ingin melihat sukan golf bukan saja diminati oleh sebahagian kecil masyarakat, tapi

turut menjadi sukan pilihan pelbagai lapisan masyarakat seperti pelajar sekolah, penuntut universiti, kakitangan kerajaan, pekerja swasta, guru-guru, peminat dan lain-lain," katanya.

Selain itu, beliau berkata, Dr Mohamed Mustafa juga berharap UUM mampu menjadi peneraju bagi membangunkan sukan golf, bukan sekadar sebagai satu cabang sukan, tetapi sebagai salah satu industri yang akan memangkai pertumbuhan

ekonomi negara.

"Ini kerana sukan ini mampu membuka cabang perniagaan seperti perniagaan peralatan dan kelengkapan golf serta membuka peluang pekerjaan yang berkaitan dengan sukan ini seperti pemain dan jurulatih profesional, pengurus kelab, marshal, kod dan sebagainya.

"Berikutan itu, UUM sedang dalam usaha untuk membina akademi golf bagi mencapai hasrat berkenaan," katanya.



RASMI...Muhyiddin, merasmikan rumah kelab baru KGRUUM sambil diiringi Mohamed Khalid dan Dr Mohamed Mustafa (kanan).

<input checked="" type="checkbox"/>	Harian Metro
<input type="checkbox"/>	Metro Ahad
Tarikh: 31/05/2011	
Hari: KHAMIS M/S: 49	
Ruangan: PESTAKA	